SWM ENVIRONMENT

*UNTUK SIARAN SEGERA*

**KENYATAAN MEDIA**

**SWM KASIH KEMBARA SAHUR: SWM ENVIRONMENT AGIH PEK MAKANAN BAGI HARGAI JASA BARISAN HADAPAN**

**MELAKA, 22 APRIL 2021:** Sebanyak 150 pek makanan sahur diagihkan kepada petugas barisan hadapan di negeri ini oleh SWM Environment Sdn. Bhd. **(SWM Environment)** melalui program SWM Kasih Kembara Sahur yang berlangsung hari ini.

Dua pasukan beruniform yang menerima pek makanan itu ialah Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Turut menerima pek makanan tersebut ialah pekerja pembersihan SWM Environment yang bertugas pada syif malam.

Pengurus Besar Korporat SWM Environment, Mohd Norlisam Mohd Nordin berkata, program yang julung kali diadakan ini merupakan sebahagian daripada aktiviti SWM Kasih iaitu entiti tanggungjawab sosial korporat syarikat yang bertujuan untuk berkongsi keceriaan di bulan Ramadan bersama golongan sasaran.

"Anggota pasukan beruniform dan pekerja pembersihan merupakan antara petugas barisan hadapan yang sentiasa komited menjalankan tanggungjawab tanpa mengira masa khususnya ketika negara dilanda pandemik COVID-19. Malah, di bulan Ramadan ini ada petugas barisan hadapan yang tidak sempat untuk membawa atau membeli makanan sahur kerana perlu bertugas di lapangan.

"Oleh itu, SWM Environment mengambil inisiatif mengagihkan juadah bersahur untuk petugas barisan hadapan bagi menghargai jasa dan pengorbanan mereka. Sumbangan ini juga sebagai tanda sokogan moral kepada petugas barisan hadapan agar terus bersemangat ketika menjalankan tugas," katanya.

Pengagihan pek makanan kepada pasukan beruniform telah diadakan di Ibu Pejabat Polis Negeri Melaka, Ayer Keroh dan Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Melaka, Bukit Katil.

Manakala, pengagihan pek makanan kepada pekerja pembersihan SWM Environment diadakan di lokasi mereka bertugas iaitu sekitar pusat bandar.

Dalam program sama, pasukan 3R Trooper SWM Environment turut memberikan penerangan ringkas kepada dua pasukan beruniform terbabit mengenai program KITARecycle iaitu aplikasi kitar semula yang menawarkan mata ganjaran.

**-TAMAT-**

**FAKTA**
**SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.**

SWM Environment Sdn. Bhd. (**SWM Environment**) telah dilantik pada tahun 1995 di bawah perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara 2007, untuk bertanggungjawab terhadap pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Johor, Melaka dan Negeri Sembilan.

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja yang seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: www.swmenvironment.com.

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca (SAS), kitar semula dan pengkomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan program kitar semula berganjarannya, KITARecycle, di ketiga-tiga negeri selatan Semenanjung Malaysia. KITARecycle menggalakkan orang ramai untuk mengitar semula dan menerima mata ganjaran untuk lebih daripada 25 jenis barangan kitar semula yang termasuk kertas, tin aluminium, plastik, sisa elektrik dan elektronik. Mata ganjaran yang terkumpul boleh ditebus secara tunai melalui perbankan dalam talian. Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITARecycle melalui *Apple Store* dan *Google Play Store*. Sila layari laman web: www.kitarecycle.com untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:
**Noor Che Wah Ramli**
Eksekutif Kanan Jabatan Komunikasi Korporat
SWM Environment Sdn. Bhd.
Lot 4B-17,18,19, Jalan TTC 26,
Kawasan Perindustrian Cheng,
75250 Melaka.
(Tel) 06-3350191
(Faks) 06-3350117
(Emel) wah.ramli@swmsb.com